



SIARAN MEDIA

KPWKM PERKASA KONSEP KESUKARELAAN DEMI KEMANDIRIAN DAN KELESTARIAN PERTUBUHAN PEMULIHAN DALAM KOMUNITI (PPDK)

SEREMBAN, 3 JULAI – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) hari ini telah mengadakan Persidangan Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 yang telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) di The Klana Resort, Seremban, Negeri Sembilan.

Persidangan bertemakan “**Ke arah Kemandirian dan Kelestarian Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK)**” fokus untuk menjadikan PPDK sebagai sebuah pertubuhan beroperasi secara sendiri serta ditadbir oleh sukarelawan yang berkomited dalam membantu golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Objektif utama persidangan ini adalah untuk memperkasa konsep kesukarelaan dalam kalangan Jawatankuasa PPDK, perkongsian maklumat dan pengalaman dalam meningkatkan keupayaan dan kecemerlangan PPDK serta mendapatkan Resolusi Persidangan PPDK yang jelas dalam hala tuju pemerikasaan PPDK. **Sehingga Mei 2023, jumlah PPDK di seluruh Malaysia adalah sebanyak 564 buah dengan kekuatan 5,144 penyelaras dan petugas yang memberi manfaat kepada 18,920 OKU.**

Sehingga 31 Mei 2023, sejumlah 654,270 OKU telah berdaftar dengan JKJ. Pendaftaran ini tertakluk kepada Akta OKU 2008 (Akta 685) dan dilakukan secara sukarela atas dasar tanggungjawab sosial.

KPWKM yakin dengan kewujudan PPDK di seluruh negara ini akan menyumbang kepada penyampaian perkhidmatan yang lebih bersistematik, tersusun dan terancang dalam menjaga pemulihan, keselamatan dan pembangunan OKU. Khidmat kesukarelaan yang diberikan dapat membantu Kerajaan dalam memperkasa OKU dari aspek pemulihan, pembangunan dan pengintegrasian dalam komuniti selaras dengan salah satu teras **Malaysia MADANI** iaitu **(I)hsan** yang sinonim dengan makna peduli dan belas kasihan khususnya dalam masyarakat.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
3 JULAI 2023**